

Didik Anak Dari Kecil Hargai KEMERDEKAAN -NORSIAH

Merdeka kali ke-58 ini memberi makna yang cukup besar buat negara. Satu persatu musibah terjadi di bumi tercinta ini. Di sebalik kesukaran itu, ia mengundang hikmah hidup kebersamaan yang perlu disyukuri. Mampukah generasi yang tinggal ini menghargai nikmat yang masih bersisa di tanah tumpah darah mereka sendiri?

Norsiah Achil, ibu kepada tiga orang anak ini mempunyai cerita kemerdekaan yang tersendiri. Sewaktu zaman kecilnya, kehidupan di kampung dipenuhi dengan semangat cintakan tanah air. Apa tah lagi, ketika itu belum ada lagi kemudahan teknologi seperti hari ini.

"Saya berasal dari Kampung Parit 9, Pasir Panjang, Sekinchan, Selangor. Di sana kami saling bersatu dan selalunya apabila tiba hari Kemerdekaan, pihak AJK kampung akan mengadakan tayangan wayang pacak berdekatan dengan balai raya kampung.

"Nanti kami beramai-ramai akan turun ke balai raya untuk menyaksikan tayangan itu. Selalunya tayangan akan diadakan selepas waktu maghrib. Kami beramai-ramai bukan sekadar berhimpun untuk menonton sebaliknya kami membawa tikar malah makanan.

"Meriahnya jangan cerita. Sambil makan, sambil menonton kami beramah mesra dengan jiran sekampung. Seingat

saya antara tayangan yang kami tonton adalah filem Bukit Kepong. Itu waktu saya kecil, bila dah meningkat remaja, filem itu saya tonton di televisyen pula. Setelah dewasa, saya juga pernah mengikuti perbarisan Kemerdekaan malah menguruskan Pertandingan Karaoke Lagu-lagu Kemerdekaan sempena Hari Kemerdekaan tahun 2014," cerita ibu kepada Ahmad Nursyamil, 23, Ahmad Nursyabil, 21 dan Ain Nursyabiba, 17 tahun.

Kisah kemerdekaan sebegitulah yang sering dikongsi dengan anak-anak. Sejak anak-anak Norsiah kecil lagi, mereka telah didedahkan dengan perihal kemerdekaan tanah air Malaysia. Bukan sekadar penerangan dan penjelasan di sekolah. Penghayatan tentang makna hari kemerdekaan subur di boga sejak anak-anak masih kecil.

Erti Kemerdekaan
Cerita-cerita sejarah ini mendidik jiwa anak-anaknya untuk mencintai tanah air. Bagi Norsiah, kemerdekaan itu sendiri membawa makna bebas daripada sebarang bentuk penjajahan. Akuiinya,



Foto: Dan Foto: Nelly Aji Hayer

Jika tiada pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada pihak British, masakan anak-anaknya kini mampu meraih kemerdekaan seperti hari ini.

Justeru, pesanan agar anak-anak menghargai setiap nilai kemerdekaan dalam diri tidak pernah luput dari bibirnya. Anak-anak faham betapa pentingnya memelihara kemerdekaan negara. Sebab itulah, penting untuk mereka mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara dan mengetahui jasa dan pengorbanan mereka.

"Saya sendiri membina jati diri dan semangat cintakan keamanan dan perpaduan sejak dari zaman wayang pacak yang di tonton di balai raya bersama keluarga dan jiran tetangga. Waktu itu, ibu saya cukup aktif dalam pergerakan Wanita UMNO. Saya sering mengikut beliau menghadiri program-program berkaitan termasuklah acara yang dianjurkan oleh pihak KEMAS.

"Saya masih ingat dan terbayang-bayang arwah ibu yang menyempurnakan kain merah (uniform wanita UMNO). Aktiviti parti pada ketika itu banyak berkaitan dengan semangat cintakan dan memajukan negara," tuturnya sambil diperhatikan oleh anak perempuannya, Ain Nursyabiha dan adiknya, Aqib Achil, 23 tahun.

Sememangnya wanita yang lahir tahun 1960-an ini ramah bercerita. Akutinya di saat dia membesar, negara sedang membangun. Yang mana, bekalan elektrik mahupun air di kampung-kampung belum membangun secara sepenuhnya.

Bekalan air kerap kail terputus, begitu juga dengan bekalan elektrik. Pernah juga saya merasa bertembakan cahaya lampu minyak tanah, mandi air telaga mahupun kolam malah memasak menggunakan dapur kayu. Syukurlah negara semakin maju. Kesan kemajuan ini adalah disebabkan negara kita yang merdeka. Dan kita bebas memimpin dan membangunkan negara," ungkapnya lagi.

"Sebab itulah saya yakin dan percaya pembentukan kecintaan kepada tanah air dan kemerdekaan bermula dari anak-anak usia masih mentah. Saya memberikan penekanan kepada mereka bahawa Perpaduan, keharmonian, kemajuan dan kesenangan rakyat Malaysia hari ini adalah kerana kita bebas dari

"Ketika itulah saya maklumkan pada mereka tentang sejarah pejuang terdahulu. Tentang sejarah hitam ketika Melaka dijajah oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Dalam sedar tak sedar, cerita-cerita sejarah yang sering dikongsi kan dengan anak-anak rupanya telah menyuntik semangat cintakan negara dalam diri mereka."

kongkongan penjajah. Pemimpin kita mempunyai kuasa dalam membangunkan rakyat dan negara tanpa ada suara-suara atau kuasa-kuasa lain," tambahnya ketika ditemui di kediamannya.

Sebab itulah, Norsiah bijak menggunakan ruang dan waktu yang ada. Apabila ada masa lapang atau ketika melancong bersama anak-anak semangat patriotik itulah yang akan ditekan kepada mereka. Sewaktu melawat tempat-tempat bersejarah anak-anak diminta menghayati kesan peninggalan sejarah misalnya di Bandar Hilir, Melaka.

"Ketika itulah saya maklumkan pada mereka tentang sejarah pejuang terdahulu. Tentang sejarah hitam ketika Melaka dijajah oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Dalam sedar tak sedar, cerita-cerita sejarah yang sering dikongsi kan dengan anak-anak rupanya telah menyuntik semangat cintakan negara dalam diri mereka.

"Anak perempuan saya pernah mengambil bahagian dalam acara kemerdekaan di sekolah. Kami juga pernah meraikan hari perbarisan kemerdekaan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Sering kali juga saya menasihatkan mereka supaya saling menjaga soal perpaduan antara kaum.

"Sekarang ini cabaran memaknakan erti kemerdekaan itu lebih hebat lagi. Penajahan bukan lagi melalui kuasa. Sebaliknya, melalui hiburan, ekonomi dan sebagainya. Sebab itulah, dalam hal ini saya sering mengingatkan anak-anak agar berbalik kepada asas iaitu pegangan agama. Kuat dinding, kuatlah rumahnya," tuturnya mengakhiri bicara. k

